

KAEDAH PENGAJARAN SUBJEK *HIFZ AL-QUR'AN* TERHADAP PELAJAR TAHFIZ DI MARSAH, JOHOR

The Teaching Method Pertaining to the Subject of *Hifz al-Qur'an* Towards Tahfiz Students' in Marsah, Johor)

¹INTAN ZAKIAH JAMALUDDIN
¹MOHAMAD KHAIRI OTHMAN
¹MOHD ZAILANI MOHD. YUSOFF
¹MARDZELAH MAKHSIN

¹College of Art and Science, Universiti Utara Malaysia, 06010 UUM, Sintok, Kedah, Malaysia

ABSTRAK

Kajian ini menganalisis tentang pelajar tahfiz terhadap kaedah pengajaran subjek di Jabatan Tahfiz al-Quran, Kolej Pengajian Islam, Johor (Marsah). Seramai enam orang responden telah dipilih, iaitu tiga orang pelajar lelaki dan tiga orang pelajar perempuan yang menduduki semester akhir, iaitu seramai enam orang. Bilangan ini adalah memadai bagi analisis penerokaan data kualitatif. Pemilihan responden pada tahap ini adalah berasaskan kepada gred pencapaian dalam subjek *Hifz al-Qur'an* iaitu gred pencapaian *muntaẓ* (cemerlang), *jayyid* (baik) dan *maqbul* (lulus). Bagi tujuan menilai kaedah pengajaran subjek *Hifz al-Qur'an*, sesi temu bual telah dijalankan ke atas pelajar. Kandungan temu bual merangkumi ilmu, kemahiran dan personaliti pensyarah, aktiviti pengajaran serta amalan pengajaran subjek *Hifz al-Qur'an* yang digunakan oleh pensyarah. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pensyarah subjek *Hifz al-Qur'an* menggunakan kaedah tersendiri dalam pengajaran di samping menekankan tatacara pembacaan al-Quran. Dari segi aktiviti pengajaran subjek *Hifz al-Qur'an*, pensyarah melaksanakan aktiviti *tasmī*. Dari segi amalan pengajaran pensyarah, menjalankan aktiviti *murāja'at* pada setiap hari. Pensyarah turut memberikan tanggungjawab menghafaz al-Quran secara formal di hadapan pensyarah kepada pelajar lelaki pada setiap hari, manakala bagi pelajar perempuan, pensyarah mengkhususkan aktiviti *murāja'at* semasa *ma'dhurat*. Secara keseluruhannya,

terdapat beberapa elemen yang harus diberi perhatian bagi meningkatkan pengajaran subjek *Ḥifẓ al-Qur'an* seperti penekanan aspek *murāja'at* dan usaha meningkatkan gred pencapaian pelajar perempuan.

Kata Kunci: *Ḥifẓ al-Qur'an*; pelajar tahfiz; kaedah pengajaran

ABSTRACT

This study analyses students' perception on the teaching method of the subject Ḥifẓ al-Qur'an at the Tahfiz Department, College of Islamic Studies, Johor (Marsah). Six respondents were selected, three (3) males and three (3) females; who was in the final semester. This number is sufficient for the qualitative data exploration. Selection of respondents at this stage is based on the grade achieved in the subject Ḥifẓ al-Qur'an; muntāz grade achievement (excellent), jayyid (good) and maqbul (pass). To evaluate the methods of teaching in the subject of Ḥifẓ al-Qur'an, an interview was conducted. The questions that were asked was regarding knowledge, skills and personalities, activities, and practice of teaching Ḥifẓ al-Qur'an used by lecturers. The findings indicated that the lecturers uses their own method of teaching and emphasized on the technique of reading the Quran. In terms of the practice of teaching the subject of Ḥifẓ al-Qur'an, lecturers perform tasmī activities. In practice classess, students are instructed to murāja'at, but as for female students, lecturers specialise in murāja'at activities during ma'dhurat. In a nutshell, some aspect required attention; for instance the aspect of the performance grades related to the female students.

Keywords: *Ḥifẓ al-Qur'an*; Tahfiz students; teaching methods

PENDAHULUAN

Pengajaran al-Quran merupakan tradisi sunnah yang diamalkan sejak zaman Rasulullah SAW dan para sahabat. Antara aspek yang sering dititikberatkan dalam pengajaran al-Quran ialah aspek lisan dan penulisan semula al-Quran yang dipercayai sebagai salah satu langkah pemeliharaan al-Quran (Farid Wajdi 2008). Hal ini boleh dikaitkan dengan penubuhan pusat pengajian tahfiz yang telah menjadi simbol budaya masyarakat nusantara yang beragama Islam (Ahmad Atabik 2010).

Latar Belakang Kajian

Di Malaysia, pendidikan tahfiz merupakan salah satu cabang penting dalam pengajaran al-Quran. Menurut Muriyah dan Mohamad Faez (2015), pengajaran al-Quran telah dimulakan sejak beratus tahun dahulu di sekolah-sekolah pondok dan

juga tempat beribadah seperti di masjid dan surau. Salah satu pusat pengajaran tahfiz di Malaysia ialah penubuhan pengajian tahfiz al-Quran Negeri Johor yang telah beroperasi secara rasmi sejak tahun 1995 di bawah kelolaan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) serta pengawasan Majlis Agama Islam Negeri Johor. Kemasukan pelajar adalah melibatkan pelbagai negara di Nusantara seperti Malaysia, Indonesia dan Singapura yang pada ketika itu masih belum berkuat kuasa dari segi umur dan latar belakang. Seiring dengan kemajuan dan perkembangan ilmu tahfiz al-Quran di Malaysia, pada tahun 1998, Jabatan Tahfiz al-Quran Negeri Johor telah menerima kemasukan pelajar perempuan. Pertambahan bilangan pelajar yang mengikuti program diploma di jabatan tersebut mendapat sambutan yang menggalakkan apabila bilangan *huffaz* yang dihasilkan adalah tidak kurang daripada jumlah 200 orang sejak mula ditubuhkan. Pada tahun 2015, Jabatan Tahfiz al-Quran Negeri Johor telah diambil alih sepenuhnya oleh Majlis Agama Islam Negeri Johor, namun masih mengekalkan kaedah pengajaran yang digunakan oleh Darul Quran, JAKIM (Marsah 2015). Kaedah pengajaran *Hifz al-Qur'an* yang diamalkan di Darul Quran, JAKIM bagi program diploma misalnya, mempunyai sistem tersendiri dari segi penilaian *syafawī* dan penilaian *tahrīrī* bagi setiap semester. Apa yang membezakan Jabatan Tahfiz al-Quran, Johor (Marsah) dan Darul Quran ialah bilangan jam kredit yang diambil pada setiap semester, iaitu tiga jam kredit bagi Marsah dan empat jam kredit bagi Darul Quran. Pengurusan hal ini amat mustahak dilakukan kerana tanpa kaedah pengajaran yang spesifik, sistem pembelajaran akan mengalami kepincangan. Kenyataan ini disokong oleh 'Abdullat (1994), yang menjelaskan bahawa kaedah tertentu yang digunakan oleh tenaga pengajar di dalam kelas merupakan kandungan penting dalam corak pengajaran.

Penyataan Masalah

Mutakhir ini, terdapat banyak model yang membincangkan tentang kaedah pengajaran yang berkesan ke atas pelajar. Walaupun model-model pengajaran telah banyak diketengahkan, namun kaedah pengajaran Rasulullah SAW berdasarkan kaedah pengajaran al-Quran masih belum digunakan secara meluas. Keadaan ini telah dinyatakan oleh Sharifah Norshah et al. (2011) yang menjelaskan bahawa kaedah pengajaran Rasulullah SAW. tidak banyak dibincangkan oleh pengkaji-pengkaji lepas. Dalam bidang tahfiz al-Quran misalnya, kaedah pengajaran diketengahkan berdasarkan persepsi pensyarah (Aznil et al. 2013). Walhal, kaedah pengajaran pensyarah juga penting untuk diketahui. Justeru, penyelidikan secara rinci berkenaan ilmu, kemahiran dan persoanaliti pensyarah, aktiviti serta amalan pengajaran pensyarah berkenaan kaedah pengajaran dalam subjek hafazan al-Quran pada masa kini harus dibuktikan dari sudut keselariannya dengan kaedah pengajaran al-Quran berdasarkan Rasulullah SAW.

Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk menentukan kaedah pengajaran subjek *Hifz al-Qur'an* berdasarkan ilmu, kemahiran dan personaliti pensyarah, aktiviti serta amalan pengajaran pensyarah dan membandingkan kaedah pengajaran subjek *Hifz al-Qur'an* berdasarkan ilmu, kemahiran dan personaliti pensyarah, aktiviti serta amalan pengajaran pensyarah.

KAJIAN LITERATUR

Bahagian ini dibahagikan kepada kaedah pengajaran al-Quran, ilmu, kemahiran dan personaliti pensyarah, aktiviti pengajaran serta amalan pengajaran:

Kaedah Pengajaran al-Quran

Kaedah merupakan suatu cara yang dilakukan mengikut prinsip-prinsip tertentu, sementara pengajaran didefinisikan sebagai perihal mengajar (Kamus Dewan 2012). Dalam subjek menghafaz al-Quran, keterlibatan tenaga pengajar dalam menjayakan proses menghafaz al-Quran para pelajar tahfiz adalah berkait rapat dengan kaedah pengajaran yang dijalankan (Umu Hani 2014). 'Abdul Salām (2008) menyatakan bahawa kaedah pengajaran mempunyai kesinambungan yang signifikan dengan pembentukan *hafiz* dan *hafizat* yang berintegriti.

Dalam konteks pengajaran al-Quran berdasarkan kaedah Rasulullah SAW, elemen lisan (*syafawī/musyāfahat*) serta tulisan merupakan asas dalam pembelajaran al-Quran. Elemen-elemen ini dilihat sebagai satu langkah pemeliharaan al-Quran yang sangat berkesan (al-Qabīsī 1955). Justeru bagi mencapai matlamat dua elemen tersebut, Rasulullah SAW sangat menekankan tatacara membaca al-Quran secara *tartil* (sempurna) dengan pelaksanaan *tasmī'* dan *murāja'at* (Sharifah Norshah et al. 2011). Rasulullah SAW turut mengamalkan pengajian secara *halaqah* yang menghimpunkan kelompok-kelompok individu dalam sesi pengajaran (Che Noraini Hashim 2008). Sebagai pemimpin, Rasulullah SAW juga sering memberikan galakan kepada umat Islam dan para pengikutnya agar sering mengingati Allah dengan mengamalkan pembacaan ayat-ayat suci al-Quran. Di antara galakan membina yang diutarakan oleh Rasulullah SAW berkenaan al-Quran ialah perumpamaan dengan buah utrujah (*lemon*) yang berbau harum dan manis bagi mereka yang mengamalkan bacaan al-Quran. Maksud hadis Rasulullah SAW tersebut ialah;

Perumpamaan seorang mukmin yang membaca al-Quran seperti buah *utrujah* yang memiliki wangi yang sedap dan rasa yang manis. Sedangkan perumpamaan seorang mukmin yang tidak membaca al-Quran ibarat buah

tamar (kurma) yang tidak memiliki bau namun rasanya manis. Adapun perumpamaan seorang munafiq yang membaca al-Quran ibarat buah *raiḥānat* yang memiliki wangi yang sedap tapi rasanya pahit. Dan perumpamaan seorang munafiq yang tidak membaca al-Quran ibarat buah *hanzālat* yang tidak memiliki bau dan rasanya pahit.

(al-Mawsū'āt; riwayat Muslim, no 1896)

Keadaan ini menggambarkan personaliti Rasulullah SAW sebagai tenaga pengajar paling agung ke atas Mukmin telah mempraktikkan kandungan kata-kata yang dapat meningkatkan semangat Mukmin untuk membaca dan mempelajari al-Quran secara serius.

Secara analoginya, kaedah pengajaran yang digunakan oleh pensyarah ke atas pelajar dalam pengkhususan hafazan al-Quran merupakan aspek yang sangat penting. Hal ini diperakui oleh Azmil Hashim dan Abdul Halim (2012) yang menyatakan bahawa pencapaian pelajar mempunyai hubungan yang signifikan dengan kaedah pengajaran pensyarah. Ghazali Yusri (2012) menyenaraikan beberapa kaedah penting yang digunakan pensyarah antaranya ialah bahan pengajaran, teknik, aktiviti dan amalan pengajaran di dalam kelas.

Ilmu, Kemahiran dan Personaliti Pensyarah

Beberapa teknik yang sering dipraktikkan dalam kelas *Hifz al-Qur'an* yang dijalankan adalah berada dalam kawasan khas yang tertutup serta jauh dari kebisingan (Abdul Hafiz 2007). Aktiviti kelas akan dikawal selia oleh pensyarah yang mendengarkan bacaan pelajar setiap hari. Dalam konteks ini, pensyarah diberi kebebasan dengan kaedah pengajaran masing-masing.

Di antara kaedah pengajaran tersebut ialah tenaga pengajar haruslah terdiri daripada mereka yang berkelayakan dari segi ilmu dan kemahiran (al-Qabisī 1955). Oleh yang demikian, penguasaan bidang tajwid merupakan perkara asas yang perlu ada pada setiap para pensyarah hafazan al-Quran. Perkara ini disokong oleh Mohd Nazri (2010) yang menekankan bahawa proses *talaqqi* dan *tasmī'* harus ditashīḥ oleh tenaga pengajar yang mampu memperbetulkan bacaan pelajar ke arah yang lebih baik. Hal ini dititikberatkan kerana pelaksanaan *talaqqi* dan *tasmī'* sangat menuntut kepada pengeluaran bunyi bacaan yang tepat dan betul (al-Masyā'īlah, 2010). Di samping itu, pada waktu pelaksanaan *talaqqi* dan *tasmī'* juga merupakan waktu paling ideal untuk para pelajar memahami selok-belok pengajian al-Quran kerana berpeluang menerima teguran secara langsung daripada pensyarah iaitu sama ada bacaan al-Quran berada pada tahap yang baik atau memerlukan bimbingan yang sewajarnya.

Selain itu, kemahiran dan personaliti pensyarah dalam memandu pelajar agar terus bersemangat dalam mengharungi proses pembelajaran amat mustahak dipraktikkan (Rusli & Abang Ishaar 2010). Hal ini kerana, kaedah pengajaran yang berasaskan ilmu, kemahiran serta personaliti tertentu seperti sering mengambil berat aktiviti pembelajaran dengan kata-kata semangat dan pujian dikatakan dapat meningkatkan pencapaian para pelajar ('Abdullāh 1994; Rusli & Abang Ishaar 2010).

Aktiviti Pengajaran

Aktiviti pengajaran didefinisikan sebagai kegiatan-kegiatan yang dilakukan oleh pensyarah dalam menyampaikan bahan pengajaran. Dalam konteks ini, keupayaan pelajar yang seiring dengan silibus pengajian bagi mencapai tahap pencapaian yang memberangsangkan amat diperlukan (Pintrich et al. 1991).

Abdul Hafiz et al. (2003) menyatakan bahawa pelaksanaan *halaqat* dalam proses menghafaz al-Quran merupakan aktiviti yang sering dipraktikkan di kebanyakan institusi tahfiz. Secara tidak langsung, kaedah ini akan memberi ruang kepada para pelajar untuk melancarkan bacaan sebelum *tasmī'* atau *murāja'at* di hadapan guru dengan kaedah mengulang bersama rakan terlebih dahulu. Menurut Sedek Ariffin dan Mustaffa (2013), aktiviti mengulang bersama rakan merupakan aktiviti yang dapat membantu penghafazan al-Quran berjalan lancar.

Fifi Lutfiah (2013) menambah aktiviti lain dalam pengajaran tahfiz antaranya ialah dengan mengarahkan pelajar agar menulis semula apa yang telah dihafaz. Teknik ini dikenali sebagai metode *kitabāt* (Fifi Lutfiah 2013). Penulisan semula ayat-ayat al-Quran sangat signifikan untuk dipraktikkan (Azmil Hashim et al. 2014) kerana dapat mengelakkan masalah lupa serta meningkatkan kelancaran ('Aliyyullah 'Ali Abul Wafa 2003). Kepentingan menulis semula ayat-ayat al-Quran ini diperakui oleh al-Masyā'īlah (2010) yang menyatakan bahawa aktiviti berbentuk latihan menulis semula apa yang dihafaz dapat menjamin keterpeliharaan al-Quran di dalam dada. Kenyataan ini turut disokong oleh Abdul Hafiz et al. (2003) yang menggariskan bahawa buku tulisan ayat adalah antara aktiviti utama dalam keberkesanan kaedah hafazan di institusi tahfiz.

Amalan Pengajaran

Berkenaan dengan amalan pengajaran dalam kelas hafazan al-Quran, Azmil Hashim et al. (2014) menyenaraikan beberapa amalan dalam kaedah pengajaran yang dilaksanakan di institusi tahfiz antaranya ialah pelajar dikehendaki memperdengarkan bacaan di hadapan guru. Kaedah pengajaran ini dikenali sebagai amalan *talaqqī* dan

tasmī' (al-Masyā'īlah 2010). Fifi Lutfiah (2013) membahagikan proses membacakan ayat-ayat al-Quran kepada pelajar melalui dua bentuk, iaitu membacakan ayat al-Quran ke atas pelajar individu (perseorangan) dan yang ke-dua membacakan ayat al-Quran ke atas pelajar kolektif (berkelompok). Dalam keadaan ini, guru atau pensyarah akan memperbetulkan kesilapan *jalī* atau *khafī* yang dilakukan oleh para pelajar semasa amalan *talaqqī* dan *tasmī'* berjalan. Kesilapan *jalī* dimaksudkan dengan kesilapan besar manakala kesalahan *khafī* hanya diketahui oleh pakar tajwid yang mahir dalam selok-belok membunyikan *makhārijal-hurf* (Ibrahim Muhammad Jarami 2001). Sementara Muhammad Maḥmūd (1987) menggariskan bahawa kesalahan *jalī* adalah kesalahan yang dilakukan secara zahir sama ada mengubah makna ataupun tidak manakala kesalahan *khafī* merujuk kepada penyempurnaan sebutan huruf. Kesilapan yang dilakukan oleh para pelajar dalam amalan *talaqqī* dan *tasmī'* hafazan al-Quran harus diperbetul oleh guru atau pensyarah yang berkemahiran dalam bidang tersebut secara khusus dengan tujuan agar al-Quran yang dihafaz terlekat betul di mata hati secara tepat.

Selain itu, amalan penekanan aktiviti *murāja'at* seharusnya melebihi daripada aktiviti menghafaz ayat-ayat baru (al-Masyā'īlah 2010). Fifi Lutfiah (2013) menyatakan bahawa aktiviti ini dikenali sebagai metode *takrīrī*. Manakala Riswandi (2013) menggunakan istilah *murāja'at* sebagai wirid al-Quran. Tenaga pengajar harus menekankan para pelajar tahfiz agar mempunyai jadual wirid al-Quran tersendiri berdasarkan keupayaan masing-masing (Riswandi 2013). Misalnya pelajar diarahkan untuk mengamalkan wirid al-Quran sebanyak satu juzuk sehari, manakala pelajar yang lain mengamalkan wirid al-Quran dua juzuk sehari berdasarkan tahap pencapaian mereka, iaitu pada waktu-waktu yang diperuntukkan (Riswandi 2013).

Di samping itu, amalan mengadakan ujian lisan (*syafawī*) bagi menilai kekuatan hafazan pelajar (Sedek Ariffin 2012) dianggap sebagai pendekatan yang seharusnya dipraktikkan sebagai menyahut kenyataan al-Qabisī (1955) yang menekankan aktiviti penilaian sebagai proses alami dalam sistem pendidikan. al-Qabisī (1955) turut menyarankan bahawa kaedah penilaian hafazan al-Quran melalui penulisan adalah petanda bahawa al-Quran yang dihafaz telah terpacat di sanubari.

METODOLOGI

Kajian ini merupakan kajian kualitatif menggunakan kaedah temu bual. Seramai tiga orang pelajar lelaki dan tiga orang pelajar perempuan semester akhir di Kolej Pengajian Islam, Johor (Marsah) telah dipilih sebagai peserta. Untuk mendapatkan representasi yang adil, pemilihan tiga orang bagi setiap jantina adalah berdasarkan gred pencapaian cemerlang dengan pointer; 4.0 (*mumtāz/mumtazat*), baik; 2.5-3.0 (*jayyid/jayyidat*) dan lulus; 2.0 (*maqbul/maqbulat*) telah dibuat melalui analisis

keputusan pelajar semester akhir bagi subjek *Hifz al-Qur'an* secara keseluruhan (lisan dan bertulis). Responden ditandakan sebagai y1 (*mumtāz*), y2 (*jayyid*) dan y3 (*maqbul*) bagi lelaki, manakala bagi perempuan ditandakan sebagai x1 (*mumtazat*), x2 (*jayyidat*) dan x3 (*maqbulat*).

Protokol temu bual digunakan untuk mendapatkan data dalam kajian, iaitu maklumat secara terus dari persepsi pelajar berkenaan kaedah pengajaran pensyarah dalam subjek *hifz al-Quran*. Menurut Mohd Majid Konting (1994), selain daripada mendapatkan maklumat berkenaan kehendak dan perasaan, temu bual sesuai digunakan untuk memperolehi maklumat secara fakta. Soalan-soalan dibentuk oleh penyelidik secara *open-ended question* dan separa berstruktur yang kandungannya adalah hasil adaptasi dari Ghazali Yusri (2012), Azmil Hashim, Ab Halim Tamuri dan Misnan Jemali (2013) serta Azmil Hashim, Ab Halim Tamuri Misnan Jemali dan Aderi Che Noh (2014). Bagi menentukan kebolehpercayaan kandungan temu bual, penggunaan *inter-rater* telah dijalankan melalui dua orang pakar dalam hafazan al-Quran serta seorang pakar dalam bidang psikologi. Temu bual dijalankan secara lisan serta jawapan direkod dalam bentuk rakaman dan tulisan. Berikut merupakan jadual tema temu bual, sub-tema dan bilangan soalan:

JADUAL 1 Kandungan Temu Bual

Tema	Sub-tema	Jumlah
Kaedah pengajaran subjek <i>Hifz al-Qur'an</i>	a. Ilmu, Kemahiran dan Personaliti Pensyarah	5 soalan
	b. Aktiviti Pengajaran	3 soalan
	c. Amalan Pengajaran	5 soalan

DAPATAN KAJIAN

Berdasarkan temu bual berkenaan ilmu, kemahiran dan personaliti pensyarah, majoriti pelajar memperakui bahawa pensyarah menggunakan kaedah tersendiri dalam aspek pengajaran. Sebagai contohnya disenaraikan data temu bual berkenaan kaedah pengajaran sebagaimana yang berikut:

1. Ilmu, Kemahiran dan Personaliti Pensyarah

a. Data temu bual bagi pelajar lelaki:

“Teknik penghafazan.. ustaz dalam kelas *tasmī'* guna cara *polish*, bukan *style* madrasah (y1)”

“Teknik tersendiri dalam mengajar...sebelum ni saya sekolah pondok, cara sangat berlainan. Pondok fokus al-Quran semata sebelum subuh, selepas subuh,

selepas sarapan, semua dengan al-Quran. Kolej akan bagi masa *assignment*, hafaz dan akademik (y2)”

“Setiap kelas memang akan lain cara belajarnya. Kelas saya pensyarah menekankan hafaz dan lancar. Yang tak lancar mungkin ada, kena tolak ulang balik semula ayat tu (y3)”

b. Data temu bual bagi pelajar perempuan:

“Banat waktu suci boleh hafaz. Ketika *i'ādah*, *ma'zuraṭ*..setiap individu kena mengulang (x1)”

“Tak ada, pensyarah biasa waktu *tasmī'* dengar ja (x2)”

“Ya, ustazah ada menggunakan beberapa teknik yang berbeza (x3)”

Dari segi penekanan tatacara pembacaan al-Quran, pelajar-pelajar lelaki menjelaskan bahawa penekanan dalam hukum *madjaiz munfaṣil* dan *madjaiz muttaṣil* sering diberi perhatian yang khusus. Di samping itu, kadar *mad aṣī* sebanyak dua harakat turut diingatkan secara kerap. Terdapat pelajar yang memberitahu bahawa para pelajar semester lima ditekankan dengan hukum tajwid, manakala para pelajar semester enam ditekankan aspek kelancaran.

Manakala keseluruhan pelajar perempuan menjelaskan bahawa pensyarah menekankan *tilāwat* dengan tajwid serta *faṣoḥat* yang baik. Pensyarah akan menegur secara langsung (*direct*) kepada pelajar sekiranya terdapat kesilapan dalam bunyi makhraj, tajwid dan *faṣoḥat*. Terdapat pelajar yang menyatakan bahawa adab sebelum menghafaz dan cara untuk mengulang al-Quran turut dititikberatkan.

Dari segi pengaruh ilmu, kemahiran dan personaliti pensyarah dalam mempengaruhi mutu hafazan al-Quran pelajar, kesemua pelajar lelaki dan perempuan bersetuju bahawa pensyarah yang tegas dalam pengajaran akan menjadikan tahap hafazan mereka semakin baik. Hal ini kerana sekiranya para pelajar membuat kesilapan, teguran yang membina akan membuatkan pelajar terus memperbaiki mutu hafazan dari semasa ke semasa. Selain itu terdapat pelajar yang menyatakan bahawa kata-kata pujian dan semangat mempengaruhi hafazan mereka.

Berkenaan dengan keistimewaan pensyarah mereka dalam kemahiran mengajar subjek *Hifz al-Qur'an*, keseluruhan pelajar menyatakan bahawa pensyarah mampu mengesan kesilapan pelajar dalam hafazan. Di samping itu, pensyarah turut menerangkan beberapa panduan khusus dalam mengingat ayat-ayat al-Quran. Terdapat juga pelajar yang menjelaskan tentang kepentingan ilmu, kemahiran dan personaliti. Sebagai contohnya:

a. Data temu bual bagi pelajar lelaki:

“Pada ketegasan dalam penghafazan al-Quran.. Misalnya menekankan *murāja'at* ..(y1)”

“Pensyarah mengajar tip-tip menghafaz.. (y2)”

“Cara menghafaz, ada minta ustaz juga. Banyak juga cara yang boleh dan tak boleh. Ada kaedah tertentu jugalah yang saya boleh, misalnya baca banyak kali tanpa menghafaz. Ikut..baca saja..baca banyak-banyak kali (y3)”

b. Data temu bual bagi pelajar perempuan:

“Bacaan mantap..bagi teknik khusus setiap pelajar berdasarkan gaya hafazan seseorang pelajar.. (x1)”

“Pensyarah tegur kalau salah bacaan (x2)”

“Ustazah tahu kenal pasti kelemahan setiap pelajar tu. Misalnya dapat tahu pelajar A macam mana kesalahan dia, kelemahan dia...pelajar B atau pelajar C baca tak lancar, ustazah boleh agak fikiran mungkin terganggu dan sebagainya (x3)”

Dari segi penekanan aspek tertentu dalam subjek *hifz al-Quran*, data temu bual merekodkan bahawa keseluruhan pelajar lelaki menjelaskan bahawa aspek *tasmīʿ*, *murājaʿat*, silibus (*muqarrar*) dan tajwid sering diberi perhatian oleh pensyarah. Sementara pelajar perempuan menerangkan sebagai berikut:

“Buat masa sekarang, ustazah *limit* masa *tasmīʿ* dua kali sahaja. Kalau tak lepas, bawa esok (x1)”

“..penekanan tajwid..(x2)”

“..jaga tajwid, hafazan, adab...silibus kena ada target.. sebulan kena berapa.. setiap sem kena lepas (x3)”

2. Aktiviti Pengajaran

Data temu bual berkenaan kesesuaian silibus (*muqarrar*) yang digunakan pensyarah dengan keupayaan pelajar disenaraikan sebagaimana berikut:

a. Data temu bual bagi pelajar lelaki:

“Sesuai..kalau boleh panjangkan waktu lagi bagus. Tapi setakat ni ok (y1)”

“Sangat sesuai..(y2)”

“Setakat ni, dalam saya punya pandanganlah.. saya tengok kebanyakan kawan-kawan mengikut *muqarrar*.. alhamdulillah memang sesuai..sesuai tahap IPT..kalau pondok mungkin berat lima juzuk ni, sebab dia ada masa khas; hafazan baru, hafazan lama dan mengulang..(y3)”

b. Sementara keseluruhan pelajar perempuan menjelaskan bahawa silibus (*muqarrar*) subjek *Hifz al-Qurʿan* yang digunakan pensyarah adalah sesuai dengan keupayaan pelajar.

Dari segi aktiviti yang dijalankan oleh pensyarah dalam kelas *hifz al-Quran*, keseluruhan pelajar sama ada lelaki mahupun perempuan menjelaskan bahawa aktiviti *talaqqī*, *tasmīʿ*, *murājaʿat* dan menulis semula ayat-ayat al-Quran merupakan

aktiviti paling utama dalam pengajaran tahfiz. Berhubung aspek *tasmī'*, kandungan ayat-ayat yang dihafaz oleh pelajar adalah tidak selaras kerana mengikut keupayaan masing-masing dalam mengingat hafazan. Secara purata, aktiviti para pelajar tahfiz di Marsah (Johor) dalam menghafaz al-Quran adalah sekurang-kurangnya satu muka hingga hampir satu makrak dalam sehari, satu makrak dan terdapat juga pelajar yang mampu sehingga dua makrak dalam sehari. Aktiviti menulis semula al-Quran juga diwajibkan ke atas setiap pelajar. Aktiviti tersebut dipastikan selesai oleh pensyarah setelah satu sesi dalam suatu semester berakhir (14 minggu). Hasil temu bual turut merekodkan bahawa setiap semester para pelajar harus dapat menghantar buku tulisan al-Quran pada minggu ke-12 dengan kadar sebanyak 5 juzuk.

Dari segi kekerapan menulis semula al-Quran yang dicadangkan oleh pensyarah, hasil temu bual sebagaimana berikut:

- a. Data temu bual pelajar lelaki:
 - “..setiap hari untuk penulisan tengok al-Quran.. kadang-kadang penulisan tak tengok al-Quran.. dalam seminggu 3 kali (y1)”
 - “ .. setiap hari.. ada markah (y2)”
 - “..wajib assignment tulis al-Quran secara melihat mushaf setiap semester.. selalu la.. cukup seminggu ustaz akan lihat.. ustaz tetapkan satu juzuk satu juzuk (y3)”
- b. Data temu bual pelajar perempuan secara keseluruhannya menjelaskan aktiviti menulis semula al-Quran dipantau seminggu sekali oleh pensyarah sekira-kira selesai satu juzuk, iaitu pada waktu yang ditetapkan. Umumnya, aktiviti menulis semula al-Quran dijalankan pada waktu luar kelas dan tidak mengkhususkan waktu ketika dalam kelas.

3. Amalan Pengajaran

Data temu bual berkenaan tatacara pensyarah dalam membetulkan kesilapan pelajar semasa proses bacaan atau hafazan diterangkan sebagaimana berikut:

- a. Data temu bual pelajar lelaki:
 - “Waktu *tasmī'*, waktu lain kurang..(y1)”
 - “..kesilapan macam dah berulang kali..teruk sangat..suruh ulang balik terus (y2)”
 - “..pensyarah akan suruh pelajar berhenti, ulang dan teruskan.. jika tak lancar, dia suruh balik tempat dan datang balik semula (y3)”
- b. Data temu bual pelajar perempuan menunjukkan keseluruhan pelajar turut menjelaskan pensyarah menegur secara langsung semasa proses *talaqqī'* atau *tasmī'* berjalan.

Dari segi waktu *murāja'at* yang diarahkan pensyarah, data temu bual adalah sebagaimana berikut:

- a. Data temu bual pelajar lelaki:
 - “..kalau macam kelas saya *tasmī'* sampai 91.5 am ja.. lepas 91.5 am *murāja'at* (y1)”
 - “..satu jam 15 minit *tasmī'*, baki tu untuk *murāja'at* (y2)”
 - “.. kelas saya selalunya sebelum periksa (y3)”
- b. Data temu bual pelajar perempuan menjelaskan bahawa pensyarah menetapkan sesi khusus untuk aktiviti *murāja'at* secara formal terutamanya sebagai persediaan menghadapi peperiksaan. Pada ketika ini, pelajar perempuan yang *ma'zurat* diarahkan oleh pensyarah agar membuat ulangan secara berterusan semasa kelas *tasmī'* berjalan.

Dari segi kekerapan ujian lisan dan bertulis bagi subjek *Hifz al-Qur'an*, data menunjukkan kepelbagaian jawapan apabila sesetengah pelajar menjelaskan kekerapan sebulan sekali dalam satu semester, dua kali dalam satu semester dan sekali dalam setiap semester iaitu dalam peperiksaan akhir.

PERBINCANGAN

Berdasarkan dapatan kajian, analisis terhadap ilmu, kemahiran dan personaliti pensyarah mendapati bahawa pensyarah menggunakan kaedah tertentu semasa dalam kelas *Hifz al-Qur'an*, iaitu dengan kaedah mendengar serta menekankan kepada pelajar untuk melancarkan setelah menghafaz. Pensyarah turut menekankan aspek adab, penguasaan asas hukum tajwid, tahap kelancaran dan kaedah mengulang. Personaliti pensyarah seperti lebih tegas dalam pengajaran di samping memberi semangat dan kata-kata pujian turut dikesan mampu menarik minat para pelajar untuk lebih bersemangat menghafaz al-Quran. Hal ini ditunjukkan dalam sesi temu bual pelajar yang menyatakan bahawa ketegasan dalam mengajar terutamanya dalam sesi *murāja'at* dapat mendisiplinkan aktiviti hafazan mereka sehari-hari. Pensyarah dalam bidang *Hifz al-Qur'an* akan mampu mengesan kesilapan pelajar semasa proses *talaqqī'* atau *tasmī'* berjalan, iaitu samada pelajar telah membuat kesilapan besar (لحن جلي) atau kecil yang tidak disengajakan (لحن خفي).

Analisis terhadap aktiviti pengajaran, pensyarah mengikuti silibus (*muqarrar*) yang telah ditetapkan oleh pihak institusi pengajian. Majoriti pelajar bersetuju bahawa silibus tersebut sesuai dengan keupayaan pelajar oleh kerana para pelajar sering dilatih untuk menghafaz dengan kadar tertentu pada setiap hari. Walau bagaimanapun sekiranya dipanjangkan waktu menghafaz dalam jangka masa yang lebih panjang, para pelajar berkemungkinan akan dapat menghafaz dengan lebih santai. Hal ini kerana terdapat para pelajar yang mengakui bahawa lebih *afḍhal*

jika diberi tempoh yang lebih lama dari 14 minggu dalam satu semester. Selain itu, aktiviti *talaqqī*, *tasmī'*, *murāja'at* dan menulis semula ayat-ayat al-Quran merupakan aktiviti utama dalam bidang *hifz al-Quran*. Pensyarah meletakkan matlamat yang jelas dalam mencapai setiap aktiviti pengajaran yang dirancang seperti melaksanakan aktiviti-aktiviti *talaqqī*, *tasmī'*, *murāja'at* dan menulis semula ayat-ayat al-Quran tersebut pada waktu yang ditentukan. Pensyarah turut memastikan para pelajar mampu menghafaz di hadapan pensyarah sekurang-kurangnya satu muka surat tanpa melihat al-Quran pada setiap hari. Dari segi menulis semula al-Quran, pensyarah telah membahagikan aktiviti menulis kepada dua bahagian, iaitu menulis dengan melihat *mushaf* serta menulis tanpa melihat *mushaf*.

Sementara analisis terhadap amalan pengajaran, pensyarah mempraktikkan tatacara tertentu dalam menentukan hafazan para pelajar telah diterima sebagai satu hafazan yang diperdengarkan secara rasmi. Misalnya pensyarah tidak akan membenarkan para pelajar untuk meneruskan hafazan yang seterusnya jika tahap kelancaran didapati tidak memuaskan. Pensyarah turut meletakkan tanggungjawab ke atas pelajar agar melakukan *murāja'at* yang lebih bersifat individual sebagai *homework* luar kelas. Hal ini kerana lebih banyak waktu *murāja'at* dilakukan di luar kelas berbanding dalam kelas disebabkan kekangan masa yang terhad dengan subjek pembelajaran lain di samping kelas *tasmī'* yang menghadkan waktu selama dua jam sahaja pada waktu pagi. Pensyarah menekankan pelajar yang *ma'zurah* untuk mempraktikkan amalan *murāja'ah* di samping itu mengarahkan amalan tersebut sering dilakukan pada ketika membuat persediaan menghadapi peperiksaan yang bakal menjelang. Kepelbagaian data dalam menyatakan kekerapan ujian lisan dan bertulis dalam tempoh tertentu turut menunjukkan bahawa para pelajar dikendalikan oleh pensyarah yang berlainan dalam subjek *Hifz al-Qur'an*.

KESIMPULAN

Kajian ini merumuskan bahawa pengajaran subjek *Hifz al-Qur'an* di Malaysia mengamalkan kaedah yang tertentu berdasarkan silibus (*muqarrar*) yang telah ditetapkan. Penekanan khusus kepada aktiviti *murāja'at* harus diberikan perhatian yang sewajarnya seperti mewujudkan subjek *murāja'at* sebagai subjek teras dalam pengajian tahfiz serta mengkhususkan tempoh tertentu untuk sesi *murāja'at* setelah pelajar menyelesaikan silibus (*muqarrar*). Hal ini kerana waktu pensyarah memperuntukkan masa pengajaran dalam subjek *Hifz al-Qur'an* dilihat terhad oleh sebab adanya pembelajaran subjek-subjek yang lain. Walau bagaimanapun, kajian ini hanya menggambarkan kaedah pengajaran tahfiz dalam subjek *Hifz al-Qur'an* yang menumpukan kepada ilmu, kemahiran dan personaliti pensyarah, aktiviti pengajaran serta amalan pengajaran terhadap pelajar tahfiz Kolej Pengajian Islam, Johor (Marsah) di Malaysia.

Analisis perbandingan data di antara temu bual pelajar lelaki dan pelajar perempuan turut menyimpulkan bahawa pensyarah memberikan masa yang lebih banyak untuk menghafaz al-Quran ke atas pelajar lelaki berbanding perempuan. Walau bagaimanapun, pensyarah menetapkan masa yang lebih banyak kepada pelajar perempuan dari segi *murāja'at* secara formal berbanding pelajar lelaki. Pelajar lelaki juga dilihat dapat menerangkan kaedah pengajaran pensyarah berhubung ilmu, kemahiran dan personaliti pensyarah, aktiviti dan amalan pengajaran pensyarah dengan lebih terperinci berbanding pelajar perempuan. Situasi yang positif tersebut menggambarkan para pelajar lelaki lebih bersemangat (*passionate*) dalam bidang yang diceburi. Hal ini terbukti apabila analisis keputusan peperiksaan *Hifz al-Qur'an* pada semester lima menunjukkan pelajar lelaki lebih ramai mendapat pangkat cemerlang berbanding perempuan. Terdapat beberapa pelajar perempuan yang mendapat pangkat lulus (*maqbul*) dan tidak terdapat pelajar lelaki yang hanya mendapat pangkat lulus (*maqbul*), iaitu sekurang-kurangnya mendapat gred baik (*jayyid*) dalam subjek *Hifz al-Qur'an*. Kesimpulannya, peranan pensyarah dalam meningkatkan gred pencapaian pelajar perempuan harus diberikan perhatian yang sewajarnya bagi melahirkan golongan *huffaz* yang *rāsikh* (kukuh hafazan). Justeru, kaedah pengajaran tahfiz harus diperhalusi dengan menekankan aspek ilmu, kemahiran dan persoaliti pensyarah, aktiviti serta amalan pengajaran dengan lebih menyeluruh di samping dapat mengenal pasti kelemahan-kelemahan pelajar.

Secara keseluruhannya, kandungan dalam kaedah pengajaran pensyarah yang merangkumi ilmu, kemahiran dan personaliti pensyarah, aktiviti serta amalan pengajaran pensyarah dalam subjek *Hifz al-Qur'an* di Jabatan pengajian tahfiz al-Quran di Kolej Pengajian Islam, Johor (Marsah) di Malaysia adalah selari dengan model pengajaran al-Quran Rasulullah SAW yang menekankan kaedah pengajaran al-Quran secara lisan dan bertulis.

RUJUKAN

- 'Abdullāt, al-Amīn al-Na'mīy. 1994. *Kaedah dan teknik pengajaran menurut Ibn Khaldun dan al-Qabisi*. Terj. Mohd. Ramzi Omar. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Hafiz Abdullah, Ajmain Safar, Mohd Ismail Mustari, Azhar Muhammad & Idris Ismail. 2003. Keberkesanan kaedah hafazan di Pusat Tahfiz. Laporan Penyelidikan, Pusat Pengajian Islam & Pembangunan Sosial: Universiti Teknologi Malaysia.
- Abdul Hafiz Abdullah. 2007. *Cabaran dan Halatuju huffaz: satu kajian di Marsah, Johor Bahru, Johor*. Kertas kerja dibentangkan di Seminar Tahfiz 07 Masjid Sultan, anjuran Pusat Tahfiz al-Quran Singapura, 29 Julai.

- 'Abdul Salām Al-Lūh. (2008). Tahfiz al-Quran al-Karīm wa tadrīsuḥu bil-Jāmi'ah al-Islāmiyyah, bi-Ghazzaṭ wa dūr zālik fi tamniyyaṭ al-qīm fil-mujtama' al-Falastīnī (Dirasaṭ ṭahliliyyaṭ khāssaṭ bi-mutaṭālibāt al-Jāmi'ah fil-marḥālaṭ al-jāmi'iyyaṭ. *Kuliyyaṭ usuluddīn, al-Jāmi'at al-Islāmiyyaṭ, Ghazza: Majallaṭ al-Jāmi'at al-Islāmiyyāṭ (silsilat al-Dirāsāt al-islāmiyyaṭ)*. al-majallaḍ assādis 'asyar, al-'adaḍ al-thānī, s. 125-152 yūnīh.
- Ahmad Atabik. 2010. The living Quran potret budaya Tahfidz al-Quran di Nusantara. *Jurnal ADDIN*. 2 (2): 0854-0954.
- 'Aliyyullah 'Ali Abul Wafa. 2003. *An-nūr al-mubīn li Tahfiz Al-Quran al-Karīm*. Beirut: Dār Ibn Hazm.
- Azmil Hashim & Abdul Halim Tamuri. 2012. Persepsi pelajar terhadap kaedah pembelajaran tahfiz al-Quran di Malaysia. *Journal of Islamic and Arabic Education* 4(2): 1-10.
- Azmil Hashim, Ab Halim Tamuri & Misnan Jemali. 2013. Latar belakang guru tahfiz & amalan kaedah pengajaran tahfiz al-Quran di Malaysia. *The Online Journal of Islamic Education* 1(1): 29-39.
- Azmil Hashim, Ab Halim Tamuri & Misnan Jemali. 2014. Kaedah pembelajaran tahfiz dan hubungannya dengan pencapaian hafazan pelajar. *Journal of al-Quran an Tarbiyyah* 1 (1): 9-16.
- Che Noraini Hashim. 2008. Kepelbagaian pendekatan pengajaran dan pembelajaran Rasulullah SAW demi menjana pendidikan yang berkesan. Dlm. Ghazali Basri dan Rosnani Hashim (pnyt.). *Jurnal Pendidikan Islam* 13 (1): 61-79.
- Chua Yan Piau. 2011. *Buku Kaedah Penyelidikan*. Malaysia: McGrawHill-Education.
- Farid Wajdi. 2008. *Tahfiz al-Quran dalam kajian ulum al-Quran*. Laporan penyelidikan, Universitas Islam Syarif Hidayatullah, Jakarta, Indonesia.
- al-Masyā'ilah, Majdī Sulaimān. 2010. *Tauzīf ibḥāth al-Dimagh fi hifz ayat al-Quran al-Karīm; al-Ṭaba'at al-Ūlā*. Yarmouk: Dar al-fikr.
- Fifi Lutfiah. 2011. *Hubungan antara hafalan al-Quran dengan prestasi belajar al-Quran Hadits mahasiswa MTS Asy-syukriyyah Cipondoh, Tangerang*. Tesis sarjana yang tidak diterbitkan. UIN Syarif Hidayatullah, Jakarta.
- Ibrahim Muhammad Jarami. 2001. *'Ulm al-Quran*. Damsyik: Dar al-Salam.
- Ghazali Yusri Abd Rahman. 2012. Penilaian kemahiran lisan dalam kurikulum bahasa Arab di Universiti Teknologi Malaysia (UiTM). Tesis PhD yang tidak diterbitkan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Malaysia.
- Kamus Dewan* (Edisi keempat). 2012. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Marsah. 2015. Kolej Pengajian Islam Johor, Jabatan Tahfiz Al-Quran.

al-Masyā‘ilat, Majdī Sulaimān. 2010. *Tauzīf ibhāth al-Dimagh fi hiẓz ayat al-Quran al-Karīm; al-Ṭaba‘at al-Ūlā*. Yarmouk: Dar al-fikr.

Mohd Majid Konting. 1994. *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohd Nazri Jamaluddin. 2010. *Cara menghafaz al-Quran kaedah al-Munawwar*. Kertas Kerja Seminar Kaedah Menghafaz al-Quran Peringkat Negeri Johor, Anjuran Jabatan Agama Negeri Johor, Hotel Pelangi Muar Johor Bharu, 20 Ogos.

Muhammad Mahmūd ‘Abdul ‘Alim. 1987. *Aḥkām al-Tajwīd wa faḍḥāil al-Qurān: al-Ṭaba‘at al-Rābi‘at*. Kaherah: al-Azhār al-Syarif.

Pintrich Pau, I R., Smith David, A.F., Duncan Teresa, Garcia & McKeachie Wilbert, J. 1991. *A manual for the use of the motivated strategies for learning questionnaire (MSLQ)*. National centre for research to improve post secondary teaching and learning, Ann Arbor, MI. Washington, DC.

al-Qabīsī, Abi Hasan Ali Muhammad Khalaf. 1955. *Ar-Risālah al-mufaṣṣolah li ahwal al-mu‘allimīn wa aḥkām al-mu‘allimīn wal muta‘allimīn*. Kaherah: Dar Ehya’ al-Kutub al-‘arabiyyah.

Riswandi. 2013. *Budaya menjaga hafalan al-Quran bagi hafidz dan hafidzah di lingkungan Universitas Islam Negeri Sunan Kalijaga Yogyakarta*, Laporan penyelidikan, Jurusan Sejarah dan Kebudayaan Islam, Universitas Islam Negeri Sunan Kalijaga, Yogyakarta, Indonesia. <http://digilib.uin-suka.ac.id/9030/> [23 Julai 2015].

Rusli Ahmad & Abang Ishar Abang Yaman. 2010. *Kata-kata pujian dan peningkatan prestasi akademik pelajar UMS*. Sarawak: Penerbit Unimas.

Sedek Ariffin & Mustaffa Abdullah. 2013. Effective technique of memorizing the al-Quran: a Study at Madrasah Tahfiz al-Quran Terengganu Malaysia. *Middle-East Journal of Scientific Research* 13 (1): 45-48.

Umu Hani. 2014. *Peran pengasuh dalam meningkatkan prestasi menghafal al-Quran Santri PP. Nurul Ummahat Kotagede Yogyakarta*. Laporan penyelidikan, Jurusan Bimbingan dan Konseling Islam, Universitas Islam Negeri, Sunan Kalijaga, Yogyakarta. <http://digilib.uinsuka.ac.id/13837/2/pdf> [20 Julai 2014].

Sharifah Nor Shah Bani Syed Bidin, Nor Salimah Abu Mansor & Zulkifli A. Manaf. 2011. Pelaksanaan manhaj Rasulullah dalam pengajaran dan pembelajaran kelas al-Quran bagi golongan dewasa. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 5: 53-70.